

Pemuda akan terus bantah Russia — Anwar

KUALA LUMPUR, Isnin — Rapat raksasa membantah ancaman Russia akan terus diadakan di negeri-negeri, kata Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, Encik Anwar Ibrahim hari ini.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Pergerakan itu di sini tengah hari ini beliau berkata, setiap negeri termasuk Sarawak telah bersetuju mengadakan rapat raksasa terhadap ugutan Timbalan Menteri Luar Russia, Encik Mikhail Kapitsa.

"Rapat raksasa ini akan diteruskan supaya setiap lapisan rakyat negara ini sedar akan ugutan Russia itu dan menyedarkan para pemuda kita supaya berganding bahu mempertahankan kedaulatan dan maruah negara," tegas beliau.

Encik Anwar sendiri akan memberi ceramah kepada lima rapat raksasa iaitu di Perak (28 April), Terengganu (1 Mei), Johor (12 Mei), Kedah (15 Mei) dan Melaka (20 Mei).

Manakala rapat raksasa di Pahang pula diwakili oleh Exco Pemuda Umno, Encik Ismail Kamaluddin dan Encik Nazri Tan Sri Aziz menghadiri rapat raksasa di Negeri Sembilan pada 5 Mei.

Rapat raksasa yang diadakan di Pulau Pinang, Sabah dan Kelantan telah mendapat sambutan.